

**Masalah Dalam Melaksanakan Aspek Keselamatan Dan Kesihatan Mengikut Akta 514 Di Industri Servis Automotif Di Sekitar Daerah Kulai Johor**

Abd. Wahid Mukhari & Sumathi A/P Marimuthu

Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak :** Industri servis automotif adalah satu ruang kerja yang mendedahkan pekerja kepada bahaya. Menyedari hakikat ini, pelbagai usaha telah dan sedang diambil untuk menjamin Keselamatan dan Kesihatan Pekerja. Usaha ini termasuklah dengan menubuhkan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) dan Institusi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH). Selain daripada itu, pihak kerajaan juga telah mungwujudkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 bagi memastikan peranan majikan dan pekerja menjaga tempat kerja dengan selamat dan sihat. Walaubagaimanapun kemalangan terus juga berlaku di industry servisautomotif. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji masalah-masalah dalam pelaksanaan aspek-aspek Keselamatan dan Kesihatan mengikut Akta 514 di industry servis automotif. Kajian ini turut menilai aspek-aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang seharusnya diperlakukan di industry servis automotif. Kajian ini tertumpu kepada 29 industri servis automotif di sekitar daerah Kulai, Johor. Daripada hasil kajian didapati majikan-majikan kurang menghadapi masalah dalam pelaksanaan aspek-aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di industri servis automotif di daerah Kulai Johor.

Katakunci : aspek keselamatan dan kesihatan, akta 514, industry servis automotif

**Pendahuluan**

Sektor automotif merupakan salah satu sektor yang penting yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kemajuan di sesebuah negara. Industri automotif di Malaysia terdiri dari pelbagai jenis iaitu bengkel motor, bengkel kereta, bengkel bas dan lori. Industri automotif ini semakin meningkat selaras dengan peningkatan taraf hidup masyarakat.

Automotif atau kenderaan merupakan suatu benda atau mesin yang dinaiki oleh manusia untuk pergi dari satu tempat ke satu tempat yang lain sebagai pengangkutan. Kebanyakan kenderaan moden di gerakkan dengan kuasa enjin. Mengikut wikipedia lagi industri automotif adalah satu industri yang berkaitan dengan kenderaan yang berfungsi untuk mencipta dan menjaga sesuatu kenderaan tersebut.

Pada masa kini keuntungan lebih diutamakan sehingga keselamatan diabaikan. Angka-angka kematian dan kemalangan di tempat kerja yang semakin meningkat dari tahun demi tahun telah membawa banyak kerugian dari aspek sumber tenaga kerja. Tanpa disedari Negara juga menanggung kerugian ini untuk mendapatkan tenaga kerja yang baru. Ini kerana tenaga kerja yang baru memerlukan latihan yang baru dan banyak berbanding tenaga kerja mahir yang hilang di sebabkan kemalangan di tempat kerja.

Menurut Mohd Asrul (2005), keadaan kerja yang selamat perlu diwujudkan dalam mengatasi masalah kemalangan di bengkel kenderaan. Pengurangan isu kemalangan di tempat kerja terutamanya bengkel dapat meningkatkan produktiviti, daya saing serta imej industri automotif. Sesungguhnya keselamatan perkerja mempunyai kaitan rapat dengan produktiviti. Oleh itu pengurusan keselamatan sesebuah bengkel penting dalam mengwujudkan organisasi yang berkesan. Ini kerana organisasi yang baik dapat mewujudkan suasana kerja yang selamat.

Dengan ini, kajian ini dapat mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh industri servis automotif dalam melaksanakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (akta 514).

### **Pernyataan Masalah**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti masalah-masalah untuk melaksanakan aspek-aspek keselamatan dan kesihatan mengikut Akta 514 dalam industri servis autmotif di kalangan majikan bengkel kenderaan di sekitar daerah Kulai Johor.

### **Objektif Kajian**

Berdasarkan kepada pernyataan masalah yang telah dibincangkan di atas, maka secara khususnya objektif kajian ini adalah bertujuan untuk

1. Mengenalpasti masalah kekurangan pengetahuan mengekang dalam industri servis automotif dalam melaksanakan peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Perkerjaan (Akta 514).
2. Mengenalpasti masalah kekurangan kemudahan mengekang dalam industri servis automotif dalam melaksanakan peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Perkerjaan (Akta 514).
3. Mengenalpasti masalah kekurangan aspek pekerja mengekang dalam industri servis automotif dalam melaksanakan peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Perkerjaan (Akta 514).

### **Kepentingan Kajian**

Industri servis automotif memerlukan perlaksanaan aspek keselamatan yang baik bagi menjamin keselamatan pekerja. Ini dapat meningkatkan produktiviti industri servis automotif, kerana pekerja dalam keadaan selamat dapat memberi sevis yang terbaik. Selain itu kemalangan akan merugikan industri automotif itu sendiri kerana ianya akan meragut perkerja yang mahir.

Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu industri-industri servis automotif dan juga Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja Malaysia mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh industri automotif dalam perlaksanaan amalan keselamatan di industri automotif. Maklumbalas yang diperolehi diharapkan dapat mempertingkatkan perlaksanaan amalan keselamatan dan seterusnya mengurangkan kemalangan pekerja di industri automotif seterusnya memberi pendedahan yang mendalam tentang pentingnya amalan keselamatan.

### **Rekabentuk Kajian**

Rekabentuk kajian yang digunakan ialah kajian deskriptif. Ini adalah kerana kajian ini adalah untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Menurut Van Dalen (1993), kajian deskriptif menerangkan fenomena dengan menganalisis data deskriptif yang diperolehi daripada soal selidik atau media-media lain. Manakala jenis kajian deskriptif yang digunakan ialah kaedah yang biasa digunakan dalam penyelidikan iaitu kajian tinjauan. Bagi kajian ini, pengumpulan data dan maklumat dibuat dengan menggunakan soal selidik bagi menentukan permasalahan dalam perlaksanaan aspek-aspek keselamatan mengikut akta 514 di industri servis automotif. Rasional menggunakan kaedah ini adalah untuk memudahkan penyelidik mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan berdasarkan kepada soalan kajian (Majid, 1998). Maklumat diproses dan dianalisis untuk dijadikan kesimpulan kepada kajian serta memberi cadangan

## **Sampel Kajian**

Persampelan yang digunakan adalah persampelan rawak mudah. Ia dilakukan dengan menggunakan kaedah memilih sampel dari populasi dari senarai yang banyak dengan menggunakan jadual nombor rawak. Oleh itu setiap ahli dalam populasi mempunyai peluang untuk dipilih (Mohd Najib,1999).

Menurut Zulkarnain (1999), penentuan sampel adalah bergantung kepada kemampuan penyelidik dan tujuan kajian dijalankan. Secara umumnya saiz sampel yang semakin besar akan menghasilkan data yang lebih menyeluruh bagi mewakili populasi. Bagi kajian ini saiz sampel sebanyak 29 bengkel iaitu sekitar 50% daripada jumlah populasi dianggap memadai bagi mewakili populasi sebanyak 58 bengkel. Mengenai pemilihan sampel menurut Najib (1999), ada yang menyarankan 30% daripada populasi dan ada yang berkata jumlah 30% sampel sudah mencukupi. Oleh itu sampel yang digunakan dalam kajian ini iaitu 29 bengkel adalah melebihi syarat tersebut.

Pemilihan hanya 50% sampel dilakukan kerana ia akan dapat menjimatkan kos, tenaga dan masalah kekangan masa. Selain dari itu, jumlah sampel yang kecil membolehkan penyeliaan yang lebih rapi. Menurut Ahmad (2002), jika sampel terlalu besar, besar pula kemungkinan berbagai-bagai kesilapan (ralat) yang akan “menyusup” masuk ke dalam maklumat yang dikumpul.

## **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian tinjauan ini adalah merupakan satu set borang soal selidik yang diedarkan kepada responden bagi mendapatkan maklumbalas. Penggunaan borang soal selidik ini bertujuan mendapatkan data-data daripada responden yang terdiri perkerja-perkerja yang berkerja di Bengkel Industri Automotif disekitar daerah Kulai Johor. Menurut Mohd Najib (1999), kaedah kajian secara tinjauan yang menggunakan soal selidik merupakan satu kaedah yang paling popular. Soal selidik dipilih sebagai instrumen untuk mendapatkan maklumat atau data berdasarkan kepada perkara-perkara berikut :

- i- Data yang diperolehi melalui kaedah soal selidik adalah lebih tepat kerana responden lebih berani memberikan tindak balas terhadap aspek yang dikaji berbanding dengan temuduga atau temubual.
- ii- Masa, tenaga dan kos perbelanjaan kajian dapat dijimatkan dengan menggunakan kaedah ini. Menurut Mohd Najib (1999), soal selidik merupakan cara yang tepat, cepat dan menjimatkan masa untuk memperolehi maklumat secara kualitatif dan kuantitatif

Soal selidik dibentuk berpandukan kajian-kajian yang lepas dan ditambah sendiri oleh penyelidik untuk memantapkan hasil kajian. Responden dikehendaki menjawab semua soalan yang dikemukakan secara bertulis berdasarkan arahan yang disertakan. Soalan ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu :

Bahagian A mengandungi soalan-soalan yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai latar belakang subjek. Maklumat ialah mengenai jantina, kelulusan akademik, perkerjaan, jenis bengkel servis automotif dan bilangan perkerja bawahan, sebanyak 5 item dikemukakan di bahagian ini bertujuan untuk mendapat maklumat mengenai industri servis automotif. Soalan yang dikemukakan adalah dalam bentuk nominal di mana responden hanya perlu menandakan petak-petak yang bersepadan dengan maklumat yang berkenaan atau menulis maklumat yang dikehendaki.

Bahagian B terdiri daripada soal selidik yang mempunyai 30 item yang bertujuan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh industri servis automotif dalam perlaksanaan aspek-aspek keselamatan mengikut Akta 514 di industri servis automotif.

Item-item yang mengukur setiap kategori permasalahan yang dihadapi oleh industri automotif dalam perlaksanaan aspek-aspek keselamatan mengikut akta 514 ditunjukkan dalam Jadual 1

Jadual 1: Item-item yang mengukur permasalahan dalam perlaksanaan aspek-aspek keselamatan mengikut akta 514.

Permasalahan	Item-item
Pengetahuan	1, 4, 7, 10, 13, 16, 19, 22, 25, 28
Kemudahan	2, 5, 8, 11, 14, 17, 20, 23, 26, 29
Perkerja	3, 6, 9, 12, 15, 18, 21, 24, 27, 30

Bagi setiap item, responden akan memilih YA atau TIDAK bagi mewakili jawapan mereka. YA atau TIDAK digunakan bagi memudahkan responden memahami soalan dan jawapan yang perlu dijawab.

### Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan terhadap soal selidik yang disediakan pada 10 orang sampel terdiri daripada 10 orang majikan industri servis automotif di daerah Skudai Johor. Menurut Najib (1999), saiz sampel rintis tidak perlu besar tetapi memadai untuk memenuhi tujuan perbincangan awal yang berkesan tentang ujian (6 – 9 orang).

Menurut Najib (1999), pekali kebolehpercayaan adalah di antara 0 hingga 1.0. Sekiranya kebolehpercayaan menghampiri satu, maka komponennya dikatakan sah. Ini bermakna semakin hampir nilai alpha kepada 1.0, maka semakin tinggi kebolehpercayaannya. Pekali Alpha Cronbach dalam program SPSS 15.0 digunakan untuk mendapatkan pekali kebolehpercayaan.

Nilai Alpha Cronbach untuk kajian rintis yang diperolehi ialah 0.962. Menurut Mohd. Najib (1999), sekiranya nilai Alpha Cronbach melebihi 0.8, ini bermakna tahap kebolehpercayaan item adalah tinggi dan seragam. Menurut Mohd. Majid (1990) pula, kebolehpercayaan yang bernilai 0.60 dan ke atas sering digunakan untuk menentukan tahap kebolehpercayaan sesuatu alat ukur kajian.

### Dapatan Persoalan Kajian

**“Apakah masalah kekurangan pengetahuan mengekang dalam industry servis automotif dalam melaksanakan peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514)?”**

Jadual 2 dibawah menunjukkan analisis bagi tahap pengetahuan bagi bilangan responden yang menjawab “Ya” dan “Tidak” bagi setiap item bagi masalah kekurangan pengetahuan mengekang dalam industri servis automotif dalam melaksanakan peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514).

Hasil analisis menunjukkan, 75.9% iaitu 22 responden pernah mendengar mengenai Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514) manakala 24.1% atau 7 responden tidak pernah mendengar tentang Akta 514.

**Jadual 4.6 (a) : Data analisis bagi Tahap Pengetahuan**

No. Item	Pernyataan	YA	TIDAK
		f	f
		%	%
1.	Saya pernah mendengar tentang Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514).	22	7
		75.9	24.1
4.	Saya mengetahui kewujudan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514).	22	7
		75.9	24.1
7.	Saya memahami kandungan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514).	19	10
		65.5	34.5
10.	Saya mengaplikasikan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514) dalam bengkel.	21	8
		72.4	27.6
13.	Saya tidak menghadapi masalah dalam memahami kandungan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514).	20	9
		69.0	31.0
16.	Saya berpendapat pengetahuan mengenai Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan penting dilaksanakan di bengkel saya.	23	6
		79.3	20.7
19.	Saya sering menggalakkan pekerja saya untuk memahami Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514).	22	7
		75.9	24.1
22.	Saya akan memastikan pekerja baru saya mempunyai pengetahuan mengenai Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514).	20	9
		69.0	31.0
25.	Saya akan memastikan pekerja saya mengaplikasikan akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514).	21	8
		72.4	27.6
28.	Saya mengetahui cara untuk mengaplikasikan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514) di bengkel.	19	10
		65.5	34.5

Bagi Item 4, 75.9% atau 22 responden mengetahui kewujudan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514) manakala 24.1% atau 7 responden tidak mengetahui kewujudan Akta 514.

Mengikut item 7, 65.5% atau 19 responden memahami kandungan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514). Manakala 34.5% atau 10 responden tidak memahami kandungan Akta 514.

Responden yang mengaplikasikan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514) dalam bengkel adalah 21 responden (72.1%) dan selebihnya 8 responden (27.6%) tidak mengaplikasikannya dalam bengkel.

Seramai 20 responden (69%) tidak menghadapi masalah dalam memahami kandungan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514). Manakalanya selebihnya 9 responden (31%) menyatakan menghadapi masalah dalam memahami kandungan Akta 514.

Manakala 23 responden (79.3%) berpendapat pengetahuan mengenai Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan penting dilaksanakan di bengkel dan 6 responden (20.7%) berpendapat sebaliknya.

Mengikut item 19, seramai 22 responden (75.9%) menyatakan sering menggalakan pekerja saya untuk memahami Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514) dan 7 responden (24.1%) sebaliknya.

Seramai 20 responden (69%) menyatakan akan memastikan pekerja baru mereka mempunyai pengetahuan mengenai Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514) dan selebihnya 9 responden atau 31% berpendapat sebaliknya.

Item terakhir bagi tahap pengetahuan menyatakan 19 responden atau 65.5% mengetahui cara untuk mengaplikasikan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514) di bengkel dan selebihnya 10 responden (34.5%) tidak mengetahui cara mengaplikasikan Akta 514.

Keseluruhananya, analisis menunjukkan responden kurang mempunyai masalah kekurangan pengetahuan mengekang dalam industri servis automotif dalam melaksanakan peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan pekerjaan (Akta 514). Ianya dapat dilihat apabila peratus responden yang menjawab YA bagi setiap item tahap pengetahuan adalah tinggi berbanding peratus responden yang menjawab TIDAK.

### **Perbincangan**

1. Berpandukan peratus bagi setiap item soalan, didapati peratusan responden yang menjawab “Ya” adalah melebihi peratusan responden yang menjawab “Tidak”. Ini menunjukkan majikan kurang menghadapi masalah kekurangan pengetahuan mengekang dalam industri servis automotif dalam melaksanaakan peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514).
2. Didapati persoalan kajian pertama, peratusan responden yang tinggi berpendapat pengetahuan mengenai Akta 514 penting dilaksanakan dalam bengkel mereka iaitu sebanyak 79.3 %. Ini kerana majikan memahami pengetahuan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan penting bagi menjamin Keselamatan dan Kesihatan Pekerja.
3. Secara keseluruhan dapat dilihat, majikan mengetahui kepentingan tahap pengetahuan di dalam industri servis automotif dalam melaksanakan peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514).
4. Berdasarkan dapatan kajian pengkaji, secara keseluruhanya didapati tahap pengetahuan yang tinggi menyebabkan majikan-majikan kurang menghadapi masalah dalam melaksanakan peraturan-peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514) dalam industri automotif.
5. Jika dilihat, pengetahuan yang mendalam mengenai Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514) dapat membantu dalam melaksanakan peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Ini kerana hanya dengan pengetahuan yang mendalam, majikan dan pekerja dapat mengetahui kandungan Akta 514. Selain itu pengetahuan mengenai Akta 514 juga dapat membantu majikan dan pekerja dalam menjadikan Akta 514 sebagai garis panduan dalam menangani masalah-masalah yang berkaitan dengan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Ianya selari dengan garis panduan bagi Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994, akta ini merupakan payung yang melindungi pekerja di tempat kerja daripada segi keselamatan dan kesihatan, malah ia merrupakan suatu kendiri. Oleh itu, dengan adanya majikan yang mementingkan tahap pengetahuan dalam melaksanakan Akta 514 maka masalah berkaitan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dapat dikurangkan.
6. Secara keseluruhanya dapat dilihat, pengetahuan mengenai Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514) penting dalam melaksanakan peraturan-peraturan Akta 514 bagi membendung masalahmasalah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di industri automotif.

## **Rujukan**

- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan (2007), *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Dosh (2006), Kes Kemalangan, Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia, Dalam Talian <http://www.dosh.gov.my>
- E-Evolution Corporation (M) Sdn. Bhd (2008), Dalam Talian. <http://evomembers.com>
- Fazrul Nizam Bin Chairul Akbar (2005), “*Persepsi Pekerja (Operator) terhadap Amalan Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Hubungannya dengan Kepuasan Kerja, Satu kajian ke atas operator pengeluaran di Flextronics Technology (M) Sdn. Bhd. Melaka*”, Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana (Tidak Diterbitkan)
- Ku Abdullah Ku Osman (2003), ”*Sikap Dan Persepsi Pekerja Terhadap Sistem Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja*”, Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana (Tidak Diterbitkan)
- Niosh (2004), Small Medium Industries. Dalam Talian: <http://www.niosh.com.my> Malaysian Labour Laws With Regulations Rules Vol II, Internationa Law Book Services (2001), Legal Research Board.
- Muktar Aziz (2000), “*Hubungan Iklim Organisasi Dengan Kepuasan Kerja*”, Sarjana Muda Pendidikan.
- Zafir Mohd Makbul & Fazilah Mohamad Hasun (2003), *Mengurus Sumber Manusia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications.